

7 MAR 1996

Mahathir-Tiba

MAHATHIR TIBA UNTUK LAWATAN KERJA TIGA HARI

Oleh: Zainoor Sulaiman

HANOI, 7 Mac (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad tiba di sini hari ini untuk lawatan kerja tiga hari ke Vietnam.

Ketibaan beliau di lapangan terbang Noi Bai di sini diambut oleh Timbalan Perdana Menteri Vietnam Nguyen Dinh Bin dan Timbalan Menteri Perancangan Negara Nguyen Nhac selaku Menteri Pengiring.

Dr Mahathir yang diiringi isterinya Datin Seri Dr. Siti Hasmah Mohd Ali, kemudian ke Rumah Tetamu Ngo Quyen dan yang menyambut ketibaan beliau di situ ialah Perdana Menteri Vietnam Vo Van Kiet.

Dr. Mahathir mengetuai rombongan 65 pegawai kerajaan dan wakil sektor swasta untuk lawatan kerja yang mempunyai aturcara yang sibuk ini, yang akan membawanya ke Da Nang di Vietnam tengah dan Bandaraya Ho Chi Minh di selatan.

Antara anggota rombongannya ialah Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Datuk Sabaruddin Chik, Timbalan Menteri Pendidikan Dr. Leo Michael Toyad dan pegawai kanan daripada Kementerian Luar, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan dan Unit Perancangan Ekocomi di Jabatan Perdana Menteri.

Selain mengadakan perbincangan dengan Vo Van Kiet, Perdana Menteri juga dijadualkan mengunjungi Presiden Vietnam Le Duc Anh dan Setiausaha Agung Parti Komunis Vietnam Do Muoi.

Esok beliau akan menghadiri upacara pecah tanah Zon Pemprosesan Eksport Noi Bai dan membuka cawangan Maybank di sini. Pada sebelah petangnya beliau akan merasmikan majlis penyempurnaan Faver/Vimas Sheraton Hotel di Tasik Barat sebelum melawat pejabat Petronas dan Televisyen Vietnam.

Pada hari Sabtu beliau akan melawat Da Nang sebelum ke Bandaraya Ho Chi Minh untuk mengakhiri lawatan kerja tiga hari itu. -- BERNAMA

ZS RN NMO